



## MAJLIS BELIA MALAYSIA (MALAYSIAN YOUTH COUNCIL)

PENAUNG / PATRON :  
**YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK**  
Perdana Menteri Malaysia / Prime Minister of Malaysia

Wisma MBM, No. 1, Jalan Tasik Permaisuri 2, Bandar Tun Razak, 56000 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel : (+603) 9173 2761/63 Fax : (+603) 9173 2759 E-mail : [mbm@belia.org.my](mailto:mbm@belia.org.my) Website : <http://www.belia.org.my>

Peti Surat 10871, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia.

**BELIA BERTINDAK UNTUK KEBENARAN DAN KEADILAN**

### PENTING DAN SEGERA

Bil : (42) Dlm MBM 07-13.0/12 Jld 4

Tarikh : 13 Ogos 2012

Setiausaha Kebangsaan  
BRIGED PUTERA MALAYSIA  
No. 5, Jalan Anak Gasing (6/5)  
46000 Petaling Jaya  
SELANGOR DARUL EHSAN

Saudara,

### PESERTA 'KHALAYAK' PERHIMPUNAN JANJI DITEPATI SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KALI KE-55

Dengan hormatnya surat Majlis Belia Malaysia (MBM) Bil : (42) Dlm MBM 07-13.0/12 Jld 4 bertarikh 7 Ogos 2012 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

Saya mohon memaklumkan, Mesyuarat Jawatankuasa Penyertaan Khalayak Perhimpunan Janji Ditepati Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan ke-55 yang dipengerusikan oleh YBhg Dato' Zaidon Asmuni, Timbalan Ketua Setiausaha Strategik, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah memutuskan untuk badan-badan gabungan MBM menghantar peserta ke perhimpunan tersebut.

**Mesyuarat juga telah bersetuju menyediakan pengangkutan bas dan token sebanyak RM10.00 kepada setiap peserta.**

Sehubungan itu, MBM memohon **Briged Putera Malaysia** menghantar seramai **200 orang** untuk hadir sebagai peserta khalayak pada perhimpunan tersebut pada 31 Ogos 2012 (Jumaat) jam 8.00 malam di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur.


Jawatankuasa Penganjur memohon komitmen Saudara untuk memastikan kehadiran peserta adalah seperti yang telah ditetapkan. Bersama-sama ini disertakan borang pengesahan untuk tindakan Saudara selanjutnya.

Mohon jasa baik Saudara untuk mengembalikan borang kehadiran peserta ke Sekretariat MBM menerusi emel [mbm@belia.org.my](mailto:mbm@belia.org.my) atau faks (03) 91732759/64 selewat-lewatnya pada **17 Ogos 2012**.

Atas kerjasama Saudara dalam hal ini MBM amat menghargainya dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

**MENGERAK BELIA MALAYSIA**  
**"1 BELIA : 1 MALAYSIA"**

Yang benar,

  
**MOHD ZAIDI AZIZ**  
Setiausaha Agung

s.k : Sdr. Mohamed Maliki Mohamed Rapiee  
Presiden Majlis Belia Malaysia

e-surat@khalayakperhimpunan.org.my